


 Oleh ADHAM SHADAN
 Foto AMIR HAFIZ ABD RAHMAN &
 MOHD. NAJIB MOHD. NOOR

**RENCANA
 UTAMA**

'AZLIN menunjukkan bagaimana kutu berpegang pada rambut untuk menghisap darah di kepala manusia.



GAMBAR menunjukkan peringkat hidup kutu kepala dengan telurnya digam pada rambut.



Di sebalik ketidakselesaan akibat kutu, amalan memeriksa rambut bersama-sama secara tidak langsung mengeratkan hubungan kekeluargaan. - Gambar hiasan

Kutu tidak mengenal pangkat atau darjat, rambut yang kotor mahupun bersih.

Bahkan, ada kajian di Barat yang menunjukkan kutu lebih suka hidup di rambut dan kepala yang bersih.

Kutu suka hidup di kepala bersih

SEJAK awal tahun ini, sebuah keluarga di Kuala Lumpur 'berperang' dengan kutu kepala sehingga mereka terpaksa memotong pendek rambut masing-masing.

Sudah hampir sebulan rutin harian lima beranak itu memeriksa rambut mereka bersama-sama.

Pada hari minggu, pereka grafik yang hanya mahu dikenali sebagai **Fatimah**, suami dan tiga anak mereka yang masing-masing berusia dua, enam serta lapan tahun akan duduk di depan pintu rumah di bawah pancaran mentari pagi untuk memeriksa rambut.

"Rimas! Kami tertekan kerana kutu-kutu ini sangat menggatalkan kepala. Kalau tidak berkesempatan bersama pada waktu pagi, kami akan berkumpul di dalam rumah apabila ada waktu terluang. Suami saya memeriksa rambut anak-anak menggunakan lampu suluh.

"Walaupun telah menggunakan syampu rawatan kutu yang dibeli di farmasi untuk mematikan berbelas ekor kutu pada satu-satu masa, kami masih menemui kutu yang lain. Dua hari lalu, kami jumpa lagi beberapa ekor," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Fatimah mendakwa, anak perempuannya yang berusia dua tahun membawa pulang kutu ke rumah setelah dijangkiti kanak-kanak lain di taska. Hanya dalam tempoh beberapa hari, seisi keluarga itu dijangkiti kutu.

"Bagaimanapun, anak lelaki saya berumur lapan tahun yang mula-mula mengadu gatal di kepala. Apabila saya menyikat rambut anak perempuan berumur dua tahun dan saya menemui kutu, saya bertemu pihak taska. Mereka mengakui ada kanak-kanak di lokasi itu yang menjadi pembawa kutu.

"Rambut anak-anak saya terpaksa dipotong pendek untuk memudahkan lagi proses pemeriksaan kutu. Kutu berwarna agak gelap, jadi kami perlukan cahaya yang cukup terang.

Parasit

"Mungkin kami sudah membunuh kutu-kutu itu tetapi memandangkan anak saya masih ke taska, dia boleh dijangkiti lagi. Kawan-kawan

saya juga bercerita tentang masalah yang sama

di taska-anak mereka," kata wanita berusia 38 tahun itu.

Jangkitan kutu

sebenarnya bukan masalah baharu di dunia bahkan dipercayai telah bermula sejak enam juta tahun dahulu.

Imej nostalgik sekumpulan wanita duduk berbaris di anak-anak tangga kampung sambil memeriksa rambut sering tergambar apabila membayangkan masalah kutu.

Kutu merupakan parasit penghisap darah dalam kumpulan serangga. Kutu

kepala atau *pediculus humanus capitis* bergantung sepenuhnya kepada manusia untuk hidup.

Ketua Jabatan Parasitologi dan Entomologi Perubatan, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Dr. Azlin Muhammad @ Mohd. Yasin berkata, kutu tidak mengenal mangsa.

Namun, jangkitan tertinggi di Malaysia membabitkan kanak-kanak berumur tiga hingga 12 tahun kerana pada usia itu, mereka mempelajari cara bersosial dan saling bergaul rapat.

"Sebenarnya, epidemiologi (kajian tentang penyakit epidemik) kutu di negara ini sangat tinggi. Penyelidikan yang kami lakukan di sekolah-sekolah rendah baru-baru ini mendapati satu daripada sepuluh kanak-kanak di Malaysia dijangkiti kutu. Masalah kutu sentiasa ada, tidak kira sama ada di kampung mahupun di kawasan urban.

"Kadar jangkitan lebih tinggi dalam kalangan kanak-kanak yang tinggal di asrama dan ia boleh meningkat kepada 35 peratus," katanya lagi.

'Azlin berkata, seekor kutu hanya mempunyai jangka hayat selama 30 hari, namun mampu bertelur lapan hingga 10 biji pada setiap hari.

"Bayangkan, itu baru seekor kutu. Kalau sehari seekor boleh bertelur sebanyak itu, dalam sebulan kalau tidak menjalani rawatan apa-apa, tidak mustahil ada ribuan kutu atas kepala manusia.

"Ramai orang fikir kutu boleh terbang atau melompat untuk menjangkiti orang lain, sebaliknya ia hanya merayap dengan perlahan mencari perumah kerana ia tidak bersayap," katanya.

'Azlin berkata, kutu bersaiz sekecil



SIKAT kutu mengalami evolusi. Gambar menunjukkan sikat kutu tradisional (bawah) dan sikat kutu moden (atas).